



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RESIDENSI JALILMAS

2 MAC 2019 (SABTU)

JAM 12.00 TENGAHARI

**RESIDENSI JALILMAS, BUKIT JALIL,
WP KUALA LUMPUR**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

(Senarai Salutations akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)

**Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk Hj. Mahadi bin Che Ngah
Pengarah Eksekutif (Perancangan)
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chai King Kong
Pengerusi Kumpulan Aset Kayamas Sdn Bhd**

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,

Rakan-Rakan Media,

Para Jemputan,

Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan, Puan-Puan dan seterusnya Para Pembeli Residensi Wilayah – Residensi Jalilmas yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- 1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.**
- 2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd di atas jemputan untuk merasmikan majlis penyerahan kunci Residensi Jalilmas ini. Residensi Jalilmas ini merupakan salah satu projek di bawah program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan yang telah dijenamakan semula sebagai Residensi Wilayah.**
- 3. Melalui syarikat bersekutunya, Sinerjuta Sdn Bhd, pembangunan projek Residensi Jalilmas ini dibina secara usaha sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di atas tanah berkeluasan 3.267**

ekar dan menawarkan sebanyak dua (2) blok bangunan berketinggian 39 tingkat sebanyak 1,050 unit kediaman pada harga RM198,000. Setiap unit mempunyai tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dengan keluasan 800 kaki persegi dan satu (1) petak tempat letak kereta berbumbung.

4. Saya dimaklumkan bahawa Residensi Jalilmas ini merupakan projek Residensi Wilayah yang ketujuh (ke-7) telah disiapkan oleh pemaju yang sama.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Saya Hormati Sekalian,

5. Untuk makluman semua, sehingga Mac 2019 terdapat sebanyak 55,970 unit Rumah Mampu Milik melibatkan 89 projek yang telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan dengan 80 buah projek di Kuala Lumpur, 2 projek di Putrajaya dan 7 projek di Labuan.
6. Kerajaan akan sentiasa melakukan penambahbaikan yang positif dalam memastikan kediaman yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan semasa rakyat dalam persekitaran yang lebih selesa, kondusif, mesra keluarga dan praktikal dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai.
7. Sehingga kini masih banyak lagi unit-unit rumah Residensi Wilayah yang masih dibuka untuk jualan. Projek Residensi Wilayah ini boleh dipohon melalui portal rasmi Residensi Wilayah.
8. Kita mensasarkan untuk tahun ini sahaja, 8,000 hingga 10,000 unit Residensi Wilayah akan kita luluskan pembinaannya. Insya Allah ia akan dibina dengan kualiti yang lebih baik berbanding sebelum ini dimana syarat minima luasannya telah kita naikkan kepada 900 kaki persegi berbanding 800 kaki persegi sebelum ini.

9. **Kualitinya kita harap akan menjadi lebih baik untuk memastikan ia mempunyai nama baik dan bukannya rumah murah yang sukar untuk dikongsi oleh pembeli rumah kos tinggi.**
10. **Kelulusan permohonan bagi projek Residensi Wilayah ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Penyediaan rumah Residensi Wilayah ini adalah memfokuskan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan terutamanya golongan yang belum memiliki rumah lagi di Wilayah Persekutuan.**
11. **Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ucapkan sekalung tahniah kepada pemaju, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan semua pihak yang terlibat atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan projek pembangunan Residensi Jalilmas ini.**
12. **Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Jalilmas.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.